

# Hudud: Pusat kaji tujuan Pas

Oleh Mohd Shah Abdullah, Sharfuddin Mohamed dan Halmi Samad

B.H.26 NOV 1993

PEKAN, Khamis — Kerajaan akan mengkaji langkah Kerajaan Pas Kelantan meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993, termasuk melaksanakan hukum hudud sama ada ia menepati kehendak Islam atau hanya helah politik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Pas mungkin mengambil kesempatan di atas isu itu untuk menyalahkan Kerajaan Pusat kononnya menjadi penghalang pelaksanaan hukum hudud kerana perkara itu sebenarnya bertentangan dengan keputusan Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, dengan cara itu, Pas boleh menjalinkan hukum hudud sebagai isu politik ketika menghadapi pilihan raya.

"Ini saya yakin dia (Pas) tahu apa yang dibuat itu bertentangan dengan keputusan Perlembagaan. Mereka percaya, kita tidak akan benar ia dilaksanakan, dengan itu bolehlah dia jadikan isu politik dalam pilihan raya.

"Kami (Pas) hendak melaksanakan, tetapi Kerajaan Pusat tidak membenarkan, sedangkan dia (Pas) tahu mereka tidak boleh melakukannya. Pas hendak lakukan juga sebab hendak mencari isu politik. Itu betul-betul pas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas majlis penyerahan 40 trak acuan empat roda *Pinzauer* kepada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, untuk kegunaan Kementerian Pertahanan, di Kawasan Perindustrian Peramu aya, di sini, hari ini.

Trak itu dipasang oleh Diversified Resources Berhad (DRB) melalui anak syarikatnya, Automotive Manufacturers (M) Bhd (AMM).

Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor.

Rang undang-undang itu yang dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, semalam, diluluskan sebulat suara oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan, hari ini.

Selain hukum hudud, Rang Undang-Undang Kanun Jenayah itu juga merangkumi hukum qisas (balas balik) dan takzir (terserah kepada budi bicara hakim).

Dr Mahathir berkata, dalam Islam faktor tempat serta masa diambil sebelum hukum hudud itu boleh dilaksanakan dan kerajaan mahu tahu sama ada kerajaan Kelantan mengambil kira semua perkara itu.

"Kalau di sesuatu tempat penduduknya 100 peratus Islam dan tidak ada sebarang masalah, kita boleh laksanakan apa yang dikehendaki oleh agama bagi tempat yang 100 peratus penduduk Islam.

"Kalau orang Islam jadi minoriti dalam sesebuah negara, kita cuba hendak laksanakan, akan menghadapi masalah. Jadi di antara dua ekstrim ini, satu di mana majoriti 100 peratus beragama Islam dan satu minoriti ada macam-macam keadaan... yang 50-50 atau keadaan 40-60, semua ini kena diambil kira," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap berpegang kepada dasar siasah syariah dalam pendekatan pelaksanaan Islam di negara ini kerana ia menepati kehendak ajaran Islam.

"Islam bukan agama buta tuli tanpa mengira di mana tempat dan keadaan pun. Kalau kita seorang sahaja orang Islam dan tinggal di negara bu-

LIPAT MUKA 2

## Pusat kaji tujuan Pas

### DARI MUKA 1

kan Islam bagaimana kita hendak laksanakan hukum Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam Islam sebenarnya ada banyak kelonggaran diberi seperti dalam soal sembahyang, jika seseorang itu tidak boleh berdiri dia dibenarkan sembahyang sambil duduk.

"Kalau seseorang itu duduk di atas keretapi dan keretapi itu berpusing, kita tidak perlu terus menghadap kiblat. Kalau duduk di atas kuda sedangkan kuda itu lari dari Masjidil Haram, takkan kita nak beralih dari belakang kuda itu," katanya.

Beliau berkata, dalam semua kes yang disebutkan itu membuktikan kelonggaran pelaksanaan hukum Islam tetapi seseorang itu masih boleh mendirikan sembahyang.

"Bagaimanapun, apa yang menjadi masalah ialah ada di kalangan masyarakat Islam cuba menjadikan Islam agama yang susah dan menekan orang lain.

"Benda yang baik untuk orang Islam mereka tidak ikut. Mereka cari benda yang kusut dan cuba menjadikannya masalah," katanya.